

# Usaha gagal doktor Melayu didedah

ALOR SETAR, Rabu (Bernama) — Timbalan Perdana Menteri Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat tentang adanya golongan tertentu yang tidak bertanggungjawab cuba mengagalkan para pelajar Melayu di bidang perubatan.

Berucap merasmikan Sekolah Kebangsaan, Padang Terap, Kuala Nerang, kira-kira 32 batu dari sini, beliau berkata, mereka itu telah menyatakan adalah haram bagi pelajar Islam menuntut di bidang perubatan.

Katanya, Kerajaan amat kesal terhadap sikap mereka itu yang cuba mengagalkan rancangan bagi menambahkan lagi bilangan doktor Melayu.

Tambah beliau, mereka itu juga bukan sahaja cuba mengagalkan pelajar-pelajar di bidang perubatan tetapi juga di bidang kejuruteraan.

Bellau berkata disebabkan dakyah itu, ramai juga para pelajar Melayu yang menuntut di seberang laut gagal dalam peperiksaan.

"Kebanyakan mereka itu belajar atas biasiswa Kerajaan dan ini amatlah merugikan Kerajaan," katanya.

## Peruntukan

Menurut beliau, sekarang hanya terdapat seramai 170 orang doktor Melayu dari jumlah 2,700 orang doktor rakyat Malaysia yang berkhidmat di negara ini.

Memandangkan jumlah itu kecil, Kerajaan sentiasa berusaha menambahkan lagi bilangan orang Melayu untuk menjadi doktor bagi menampung keperluan masyarakat Melayu, khususnya bagi mereka yang tinggal di kawasan luar bandar, tambah beliau.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata golongan itu juga tidak mahu kaum wanita mempelajari bidang perubatan kerana mereka terdedah kepada perkara yang haram.

Tambah beliau, sikap seperti itu akan hanya mematickan keazaman jenerasi muda yang ingin melanjutkan pelajaran mereka di bidang tersebut.

Bellau berkata ibu-



DR. MAHATHIR

bapa hendaklah mengawasi supaya anak-anak mereka tidak dipengaruhi oleh golongan itu.

Bellau memberitahu Kerajaan telah pun menguntukan sejumlah \$2,300 juta tahun ini untuk melaksana dan memajukan lagi rancangan pelajaran di negara ini.

Tambah beliau, peruntukan itu adalah besar jika dibandingkan dengan peruntukan lain yang disediakan oleh Kerajaan.

Pelajaran katanya adalah penting bagi merobah nasib rakyat di negara ini selaras dengan perkembangan dan kemajuan.

Dato Seri Dr. Mahathir berkata dalam kempen pilihanraya ini terdapat juga golongan tertentu yang meracuni fikiran anak-anak muda dengan cara menyuruh mereka melakukan sesuatu perkara yang tidak diingini.

Menurut beliau, selain dari itu mereka juga disuruh menggunakan perkataan kafir dengan sewenang-wenangnya terhadap golongan yang berhaluan fahaman politik.

Katanya, hasutan yang dilakukan oleh mereka itu akan hanya menimbulkan perselisihan faham di kalangan orang Melayu yang beragama Islam.

Katanya, perkataan kafir mengkafir tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya kerana ia menjejaskan kesucian agama Islam yang dianuti oleh orang-orang Melayu.

Bellau memberi amaran terhadap golongan itu supaya jangan terus menghasut anak-anak muda khususnya murid-murid sekolah menyalahkan konsep Islam.

Terdahuludari itu, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Ahmad Shahabuddin ketika berucap berkata Kerajaan akan terus mengadakan segala kemudahan bagi kepentingan penduduk luar bandar.

Bellau yang juga calon Barisan Nasional bagi kerusi Parlimen Padang Terap menambah rakyat hendaklah menggunakan kemudahan yang telah disediakan oleh Kerajaan di tempat mereka.

Bellau menyeru rakyat supaya menggunakan hak menggunakan hak mengundi mereka dengan bijaksana bila mereka keluar mengundi pada hari Sabtu ini.

Katanya tahun ini seramai 163,000 orang murid telah mendapat faedah dari skim pinjaman buku teks di Negeri Kedah.

Bahan asal dari Arkib Negara Malaysia